

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR  
JABATAN SENIBINA DALAMAN.**

**NOVEMBER 2009**

Adalah disyorkan bahawa Laporan Penyelidikan Projek ini yang di sediakan  
oleh

**MAZNIE BINTI MAZLAN**

bertajuk

**CADANGAN SKIM REKABENTUK DALAMAN SEBUAH CAFÉ “TEA HOUSE” CAMERON VALLEY UNTUK CAMERON  
BHARAT PLANTATIONS SDN BHD**

diterima sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat untuk memperolehi Diploma Rekabentuk Dalaman

Penyelia Laporan : \_\_\_\_\_

**Cik Noorul Nadya bt Shaharum**

Koordinator Khusus : \_\_\_\_\_

**Pn. Azizah bt Md Ajis**

Koordinator Program : \_\_\_\_\_

**Prof. Madya Dr. Hj. Mohd Sabrizaa Abd. Rashid**

## **ABSTRAK**

Tajuk laporan kajian ini adalah Cadangan Rekabentuk Baru Cameron Valley Tea House. Tujuan laporan kajian ini dibuat adalah untuk memenuhi syarat untuk projek akhir bagi Diploma Rekabentuk Dalaman. Projek yang dicadangkan adalah Cadangan Rekabentuk Baru Cameron Valley Tea House di E-G-10 Persiaran Greentown 1, Greentown Business Centre 30450 Ipoh Perak. Projek ini dipilih kerana ingin membantu dalam meningkatkan tahap persaingan antara produk-produk tempatan dan sebagai contoh dalam meneraju perniagaan dan dalam penglibatan rekabentuk dalaman. Pelbagai proses perlu dilalui bagi menyiapkan kajian tesis ini dimana pelbagai faktor penting yang perlu diambil kira. Matlamat utama kajian ini adalah untuk merancang susunatur ruang dalaman pada bangunan asal dan memberi satu imej baru yang dapat memenuhi kehendak pelanggan. Dalam kehidupan seharian yang sentiasa sibuk, minda kebanyakkan mereka turut berasa keletihan dan dalam masa yang sama dipengaruhi oleh persekitaran sesak. Terdapat pengaruh yang baik dan juga yang kurang baik. Oleh sebab itu kesibukan yang berlaku boleh di ubat melalui minuman yang mempunyai anti oksidan seperti teh. Skop kajian bagi keseluruhan projek adalah mengenai fungsi cafe, kehendak klien dan analisa tapak projek. Kepentingan setiap kajian ini adalah supaya dapat memahami dengan lebih mendalam mengenai *behavior* pelanggan dan kesesuaian projek dengan kehendak yang diperlukan oleh klien. Semasa kajian dijalankan, terdapat beberapa halangan yang terpaksa ditempuh dan salah satunya adalah kurang mendapat kerjasama bagi mendapatkan maklumat sepenuhnya daripada pihak yang berusah. Segala maklumat yang dikumpul diambil kira kerana ia mempunyai kaitan dengan projek yang dijalankan. Proses ini banyak membantu bagi menghasilkan rekabentuk yang lebih baik dan mesra pengguna mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh klien. Selain itu juga, rekabentuk yang ergonomik serta memenuhi ciri-ciri antropometrik akan diterapkan dalam rekabentuk bagi memberi keselesaan pelanggan.

## **PENGHARGAAN**

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera,

Pertama sekali saya ingin mengangkat tangan tanda kesyukuran saya terhadap Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya saya berjaya menyiapkan tugasan laporan projek tahun akhir saya iaitu Cadangan Merekabentuk Hiasan Dalaman Tea House Cameron Valley untuk Bharat Plantations Sdn Bhd, bagi program Diploma Rekabentuk Dalaman di Universiti Teknologi MARA, Perak.

Seterusnya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kedua ibubapa, keluarga, rakan-rakan dan para pensyarah yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sokongan padu dan galakan serta berkat doa mereka semasa saya berada di sini. Tidak lupa juga kepada pensyarah tesis, Puan Azizah bt Md Ajis dan penyelia tesis, Cik Noorul Nadya kerana turut membantu dalam melengkapkan Laporan Projek Tesis tahun akhir ini.

Akhir sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak dari Cameron Valley dan Bharat Plantations, bagi memberikan sepenuh kerjasama kepada saya dalam mencari maklumat yang diperlukan bagi menyiapkan kerja saya ini.

Sekian, terima kasih.

<b>Abstrak</b>	<b>i</b>
<b>Penghargaan</b>	<b>ii</b>
<b>Isi Kandungan</b>	<b>iii</b>
<b>Senarai Jadual</b>	<b>vii</b>
<b>Senarai Rajah dan Foto</b>	<b>viii</b>
<b>Senarai Lampiran</b>	<b>xii</b>
<b>Senarai Singkat Kata</b>	<b>xii</b>

## ISI KANDUNGAN

<b>ISI KANDUNGAN</b>		<b>MUKASURAT</b>
<b>BAB</b>	<b>1.0 PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
1.1	PENGENALAN	2
1.1.1	DEFINISI	3
1.1.2	JENI-JENIS CAFE	2
1.2	METODOLOGI KAJIAN	4
1.2.1	FASA SATU – CADANGAN PROJEK	4
1.2.2	FASA DUA – KAJIAN LAPANGAN	5
1.2.3	FASA TIGA – CADANGAN REKABENTUK	6
1.2.4	CARTA METODOLOGI	7
1.3	MATLAMAT KAJIAN	8
1.4	OBJEKTIF KAJIAN	9
1.5	SKOP KAJIAN	10
1.5.1	KEPERLUAN RUANG	10
1.6	KEPENTINGAN KAJIAN	12
1.7	HALANGAN KAJIAN	13

## **BAB 1.0 PENDAHULUAN**

### **1.1 PENGENALAN**

Laporan ini mengenai cadangan rekabentuk dalaman bagi sebuah café Cameron Valley “Tea House” untuk Cameron Bharat Plantations Sdn Bhd iaitu satu produk keluaran bagi projek akhir Diploma Senibina Dalaman. Cadangan ini adalah berdasarkan kehendak pelanggan dan juga keperluan isu-isu semasa ataupun permasalahan seni rekabentuk dalaman yang wujud di dalam proses merekabentuk. Laporan ini adalah laporan cadangan rekabentuk dalaman bagi Cameron Valley Tea house, beralamat di E-G-10, Greentown Square, Jln Dato Seri Ahmad Said, Greentown Square, 30450 Ipoh, Perak.

Dewasa ini pelbagai jenis kefeteria yang memberikan perkhidmatan makanan “made to order” dengan pelbagai jenis cara. Kebanyakan masyarakat Malaysia menggemari pelbagai jenis makanan dan mencuba sesuatu yang baru. Ianya juga menawarkan kaedah dan penyampaian dalam menyediakan makanan dan minuman.

“The house” adalah salah satu jenis kefeteria yang wujud di Malaysia yang menawarkan set hidangan ringgan tanpa hidangan berat yang bersesuaian dengan minum pagi dan petang. Teh juga merupakan satu minuman tradisi bagi masyarakat Cina dan juga satu jenis minuman yang tidak asing bagi masyarakat Melayu tapi kedua-duanya mempunyai citarasa dan budaya tersendiri dari segi penyediaan dan persembahan.